

## Pengasih dedah 70% nelayan terlibat dadah

Gejala ini amat tinggi dan membimbangkan - Pengasih

PENGARANG@UTUSAN.COM.MY OLEH SAYED HESHAM IDRIS |

31 Julai 2016 1:23 AM



Mohd Yunus Pathi

GOPENG 30 Julai Persatuan Pengasih Malaysia (Pengasih) mendedahkan gejala penyalahgunaan dadah dalam kalangan nelayan di negara ini amat tinggi dan membimbangkan.

Presidennya, Datuk Mohd. Yunus Pathi berkata, dianggarkan di antara 60 hingga 70 peratus golongan itu di seluruh negara terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

Menurutnya, gejala itu disebabkan pengambilan dadah sudah menjadi budaya dalam kalangan golongan itu.

“Penyalahgunaan dadah dalam kalangan nelayan amat teruk. Ini disebabkan ia sudah menjadi budaya apabila mereka menangkap ikan di laut.

“Amat kasihan melihat mereka, ada yang menukar ikan dengan dadah, ada pula yang mengambil dadah terlebih dahulu sebelum menangkap ikan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar semasa menghadiri sambutan Hari Raya Aidilfitri Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pepadam) negeri bersama Rumah Pengasih Aman Jaya, di sini hari ini.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Hal Ehwal Pengguna, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Masyarakat Sivil negeri, Datuk Samsuddin Abu Hassan. Menurut Mohd. Yunus, Pengasih sedang berusaha untuk memberikan rawatan kepada golongan berkenaan.

Beliau berkata, Pengasih berharap Jabatan Kebajikan Masyarakat dapat memberikan bantuan kos sara hidup untuk anak dan isteri nelayan yang mendapatkan rawatan pemulihan.

Katanya, ini kerana ahli keluarga nelayan yang mendapatkan rawatan pemulihan akan hilang mata pencarian sepanjang tempoh rawatan.

“Saya sudah memaklumkan perkara ini kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim untuk membantu keluarga nelayan yang mendapatkan rawatan pemulihan,” katanya.

Mengenai rawatan pemulihan untuk nelayan yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah di Perak, Mohd. Yunus berkata, sebuah pusat pemulihan dadah untuk golongan itu, Rumah Pengasih Aman Jaya di Pangkor akan beroperasi tidak lama lagi.

Katanya, ia merupakan Rumah Pengasih Aman Jaya kedua di Perak selepas di Gopeng yang diwujudkan dengan pembiayaan daripada kerajaan negeri.

“Rumah Pengasih Aman Jaya di Pangkor ini menumpukan rawatan pemulihan untuk nelayan di Pulau Pangkor, Pantai Remis, Larut Matang dan Selama,” katanya